

SKEMA PEMARKAHAN BM2 PERCUBAAN SPM, 2024
MARKAH PENUH : 100 MARKAH

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Perhatian bagi Soalan 1

1. Beri 1 markah bagi setiap kata hubung dan kata sendi nama yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah, tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan yang digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 : Morfologi

Kata hubung	Kata sendi nama
yang	daripada
bahawa	pada
kerana	dengan
dan	dalam
	bagi

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

1. Subjek : Integriti
Predikat : sangat penting
2. Subjek : Amalan murni ini
Predikat : perlu dipupuk sejak kecil melalui institusi kekeluargaan secara turun termurun.
3. Subjek : Hal ini
Predikat : akan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja positif dan cemerlang di tempat kerja masing-masing

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

- i. Para-para pelajar – Para pelajar
- ii. bersungguh – bersungguh-sungguh
- iii. menyumbangkan – menyumbang
- iv. pada – kepada
- v. university– universiti
- vi. di dalam – dalam
- vii. kemampuan- kemahiran
- viii. melengkap – melengkapkan
- ix. bagi untuk – bagi / untuk
- x. disekeliling – di sekeliling
- xi. tanahair – tanah air
- xii. dari - daripada

[Maksimum : 11 markah]

SKEMA SOALAN 4 dan 5

Panduan pemarkahan menukarkan Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4

DESKRIPSI	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	3 – 4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	2
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Pada mulanya, Laksamana memakai baju seorang askar. Lalu Laksamana berjalan. Malam itu agak kelam kabut dan hujan turun rintik-rintik. Kertala Sari masuk ke dalam kota. Laksamana tidur di tengah pasar. Lalu Laksamana mendengar bunyi tapak kaki Kertala Sari yang terlalu

kuat. Kertala Sari berjalan ke tengah pasar itu juga. Lalu tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

[4 markah]

Soalan 5 : PERIBAHASA

1. Malang tidak berbau

Ayat : Kita perlulah sentiasa berhati-hati ketika memandu kerana malang tidak berbau, kecuaian pemandu lain boleh menyebabkan kemalangan berlaku.

1. 2. Pandu cermat jiwa selamat

Usaha menangani peningkatan kes kemalangan jalan raya di Malaysia akan tercapai sekiranya rakyat sentiasa mengamalkan slogan pandu cermat jiwa selamat.

1. 3. Sediakan payung sebelum hujan

Sikap cikgu Dayang yang selalu membuat kuiz secara mengejut menyebabkan murid-muridnya sentiasa bersedia bak kata peribahasa sediakan payung sebelum hujan.

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup/ menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup/ tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6 : Petikan Umum

Markah

- (i) Maksud *meningkatkan kemahiran* ialah...

- memperhebat kecekapan/ kebolehan/ kepandaian 2
- memperhebat kemahiran 1
- meningkatkan kecekapan 1
- meningkatkan kebolehan 1

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) Punca-punca pengangguran dalam kalangan masyarakat ialah :

Bahan 1

P1 - kurangnya kemahiran insaniah, komunikasi dan bahasa yang diperlukan oleh majikan 1

P2 - Sikap dan etika kerja yang lemah serta tahap keyakinan diri yang rendah juga menjadi halangan bagi graduan untuk mendapatkan pekerjaan 1

Bahan 2

P1 - Kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris oleh graduan di Malaysia 1

P2 - Kursus yang diambil oleh siswazah dianggap tidak bersesuaian dengan pasaran kerja

1

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Graduan hari ini perlu menguasai lebih daripada satu bahasa kerana :

- | | |
|---|---|
| P1 - Graduan akan lebih mudah berkomunikasi dengan orang lain | 1 |
| P2 - Graduan akan lebih yakin dan berani berhadapan dengan orang lain | 1 |
| P3 - Graduan akan lebih mudah untuk menuntut ilmu | 1 |
| P4 - Graduan lebih mudah melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi | 1 |
| P5 - Graduan akan mempunyai daya saing untuk memperoleh peluang pekerjaan. | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Cadangan kepada sepupu sementara dia menunggu panggilan kerja tetap:

- | | |
|--|---|
| P1 - Melakukan aktiviti yang boleh mendatangkan hasil seperti bercucuk tanam atau berniaga | 1 |
| P2 - Mencari kerja sambilan buat sementara seperti bekerja di restoran atau kedai-kedai runcit | 1 |
| P3 - Mengikuti kursus-kursus seperti bengkel kerjaya atau kursus Kemahiran komunikasi | 1 |
| P4 - Meningkatkan Kemahiran dalam bidang komputer | |
| P5 - Belajar berniaga secara dalam talian | 1 |

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7 : Petikan Sastera

Markah

- (i) Maksud rangkai kata *membuat aniaya* :
- melakukan penyeksaan/ kezaliman/ penindasan
 - melakukan aniaya
 - membuat penyeksaan
 - membuat kezaliman

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Peristiwa yang menunjukkan penganiayaan terhadap haiwan ialah :

Bahan 1

P1 - Habislah dipijak-pijak anak memerang itu, ada yang patah kaki tangannya dan luka kepalanya, habis mati semuanya 1

Bahan 2

P1 - Mengikat kaki kucing dan melekatkan sebutir mercun pada perut kucing 1

Bahan 3

P1 - memacu kuda dengan cemeti 1

P2 - kuda ditunggang 1

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

(iii) Manfaat-manfaat mempunyai haiwan peliharaan di rumah ialah :

P1 - Memupuk nilai kasih sayang dan bertanggungjawab terhadap haiwan 1

P2 - Menimbulkan rasa gembira dan melepaskan tekanan 1

P3 - Menstabilkan dan menurunkan tekanan darah 1

P4 - Haiwan seperti anjing dan kucing menjaga keselamatan rumah 1

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan yang wajar saya lakukan untuk mengelakkan penganiayaan terhadap haiwan daripada berterusan pada masa akan datang ialah :

P1 - Jika terlihat orang melakukan penganiayaan haiwan, laporkan kepada polis atau Persatuan Pencinta Haiwan 1

P2 - Menyebarluaskan kesedaran tentang isu penganiayaan haiwan melalui media sosial 1

P3 - Mencadangkan kepada pihak sekolah untuk mengadakan kempen sayangi haiwan 1

P4 - Memaparkan undang-undang atau akta berkaitan penganiayaan terhadap haiwan di papan iklan 1

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8: Novel

- (i) Zahid asyik merenung gadis di belakang kaunter kerana...**

- P1 Auranya memukau.
- P2 Pandangan mata gadis ini penuh aura kemesraan yang sukar nak digambarkan.
- P3 Lirikan matanya terasa macam pernah dilihatnya tetapi tidak ingat bila dan di mana.
- P4 Pak cik teringat akan anak pak cik mungkin sebaya anak ni / ini.

Pemindahan maklumat perlu lengkap. Calon tidak boleh mengubah maklumat asal petikan teks.

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

Dua peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia.

(ii) Soalan novel : 6 markah

- a) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul.
- d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h) Calon tidak menjawab, 0 markah.

A. DI SEBALIK DINARA karya Dayang Noor.

3. Peristiwa Azraai memasang alat *retinal scanner* pada pintu apartmen adik angkatnya, Farisha untuk melindungi keselamatan Farisha setelah berlaku satu kes pembunuhan tidak jauh dari tempat tinggal Farisha.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana sikap menyayangi yang ditunjukkan oleh Azraai dalam melindungi keselamatan orang yang disayangi / ahli keluarga.

4. Peristiwa keluarga Azraai menerima Farisha sebagai anak angkat dengan memberi sepenuh kasih sayang dan mendidik Farisha menjadi seorang muslim.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana didikan keluarga yang baik dan penuh kasih sayang melahirkan keperibadian yang tinggi.

5. Peristiwa Farisha berasa sedih apabila mendapat tahu abangnya Azraai menghidap penyakit jantung ketika makan malam di rumah Azraai.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana sikap menyayangi ahli keluarga walaupun bukan anak kandung.

6. Peristiwa Rosman dan Shida pergi melawat Farisha di Hospital Putrajaya kerana Farisha tiba-tiba pengsan semasa sedang bekerja di pejabatnya.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana sikap seorang kawan yang menyayangi sahabatnya.

7. Peristiwa Marilyn / Medina yang berusaha menjelaki Farisha dengan mengupah dua orang lelaki untuk mencari Farisha kerana dia terlalu merindui anak kandungnya itu.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana perasaan kasih sayang yang mendalam seorang ibu mendorongnya untuk menculik anak kandung sendiri.

B. SILIR DAKSINA karya Nizar Parman.

1. Peristiwa Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil setelah dia bercerai dengan isterinya sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana kerana sikap seorang ayah yang sentiasa mengingati dan menyayangi anak kandungnya.

2. Peristiwa Haiqal memujuk dan menasihati Ratna yang menangis setelah gagal memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM agar terus berusaha kerana gagal dalam peperiksaan bukanlah bermakna dia gagal dalam hidupnya.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana kerana sikap prihatin seorang sahabat menggambarkan nilai kasih sayang dalam persahabatan.

3. Peristiwa Walid / Abdul Fatah menenangkan Haiqal yang sedang menangis selepas bertengkar dengan uminya dan memberi sokongan terhadap tindakan Haiqal yang ingin pulang ke kampung arwah ayah kandungnya.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana kerana sikap penyayang yang ditunjukkan oleh seorang ayah walaupun hanya anak tiri.

4. Peristiwa Abdullah Kayan yang sentiasa merindui anaknya, Aiman / Haiqal. Kasih sayang dan kerinduan terhadap anaknya dicurahkan kepada Ai Ling / Ong See Hwa yang sebaya dengan Aiman / Haiqal.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana seorang ayah terhadap anaknya walaupun hidup terpisah.

5. Peristiwa Abdullah Kayan / Cikgu Zam yang menumpahkan kasih sayang terhadap Ai Ling / Ong See Hwa. Sebagai seorang guru, Abdullah Kayan / Cikgu Zam menumpangkan Ai Ling / See Hwa ke sekolah setiap hari. Selain itu, Cikgu Zam juga melatih Ai Ling dalam mendeklamasi sajak sehingga berjaya mendapat johan dalam pertandingan deklamasi sajak di sekolahnya.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia kerana wujudnya nilai kasih sayang terhadap murid yang dianggap seperti anak sendiri.

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- a) Isi maksimum - **20 markah**
- b) Bahasa maksimum - **10 markah**

a) Isi [20 markah]

Nota :

- i. Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- ✓ Nama khas
- ✓ Perkataan berganda
- ✓ Penggunaan kata sendi di dan ke
- ✓ Tarikh
- ✓ Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- ✓ Gelaran
- ✓ Penanda wacana
- ✓ Peribahasa / slogan

- i. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- ii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- iii. Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- iv. Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- v. Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 Isi Lengkap)										Markah Maksimum
(i) Pendahuluan												2
(ii) Isi Bahan 1												
Fokus 1	7	3	3	3	2	2	2	2	1	1	1	
Fokus 2	3	2	3	1	1	3	2	1	3	2	1	16
(iii) Isi Bahan 2												
Fokus 1	3	2	1	2	3	2	3	3	3	2	3	2
(iv) Isi Bahan 3												
Fokus 3	3	1	1	1	2	1	1	2	1	3	3	3
Jumlah Isi	16	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8

(v) Penutup/Kesimpulan		2
	Jumlah Markah	20

b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik. Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	Kesinambungan ayat baik. Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat. Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik. Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat. Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota :

1. Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
2. Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (Rujuk jadual)
3. Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
4. Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah.
5. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

Pendahuluan [2 markah]

P1	Rumusan membincangkan <i>kelebihan-kelebihan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / faedah-faedah DidikTV KPM, langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara untuk merealisasikan saluran ini dan cabaran / masalah / kekangan dalam melaksanakan DidikTV KPM.</i>	2
P2	Rumusan membincangkan <i>kelebihan-kelebihan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / faedah-faedah DidikTV KPM.</i>	1
P2	Rumusan membincangkan <i>kelebihan-kelebihan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / faedah-faedah DidikTV KPM</i> dan <i>langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara untuk merealisasikan saluran ini.</i>	1
P3	Rumusan membincangkan <i>keutamaan / keperluan DidikTV KPM.</i>	0
	Nota : jika tidak menyatakan fokus dan tema	0

Isi [16 markah]

FOKUS 1	<i>kelebihan-kelebihan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / faedah-faedah DidikTV KPM</i>	
Bahan 1		
A1	bagi mengatasi banyak isu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR)	2
A2	membantu murid daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) dan miskin	2
A3	dapat membantu golongan di bandar yang mempunyai anak yang ramai	2
A4	dapat memastikan kurikulum dapat diikuti oleh pelajar di seluruh negara	
A5	membantu murid lebih fokus terhadap pelajaran.	
A6	Guru-guru penyampai DidikTV KPM merupakan guru yang mahir dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam mata pelajaran yang diajarkan.	
A7	Guru-guru juga menggunakan unsur interaktif yang sangat menarik dalam pengajaran mereka	
A8	gaya penyampaian yang bersahaja dengan menggunakan unsur animasi dan grafik.	

FOKUS 2	<i>kelebihan-kelebihan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / faedah-faedah DidikTV KPM</i>	
Bahan 2		
B1	Anak akan lebih bersemangat untuk belajar	2
B2	Proses pembelajaran pasti akan bertambah mudah dan seronok	2
B3	Segmen pembelajaran dan pengajaran (PdP) menarik dan interaktif	2

FOKUS 3	<i>langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara untuk merealisasikan saluran ini</i>	
Bahan 1		
C1	Ibu bapa hendaklah membimbing anak-anak menggunakan saluran dengan sebaik-baiknya.	2
C2	Ibu bapa juga hendaklah menyemak jadual siaran DidikTV KPM dari semasa ke semasa	2
C3	Para guru pula hendaklah menjadikan saluran DidikTV KPM sebagai nilai tambah dalam PdPR	2

C4	Murid-murid pula hendaklah memanfaatkan saluran ini sebagai rujukan mereka	
-----------	--	--

FOKUS 4	<i>cabaran / masalah / kekangan dalam melaksanakan DidikTV KPM</i>	
Bahan 2		
D1	DidikTV KPM perlu menjadi saluran sumber ilmu terbaik untuk anak mendapat akses pendidikan.	2
D2	Guru berdepan banyak masalah PdPR	2

Kesimpulan [2 markah]

K1	Kesimpulannya, DidikTV KPM hendaklah dimanfaatkan agar menjadi saluran utama kepada murid-murid.	2
K2	Kesimpulannya, DidikTV KPM hendaklah dimanfaatkan.	1
K3	Kesimpulannya, Pihak KPM haruslah memantapkan program DidikTV KPM demi masa depan pelajar.	0

SKEMA PEMARKAHAN BM2 SET 1, 2024 MARKAH PENUH : 100 MARKAH

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA [35 markah]

Perhatian bagi Soalan 1

11. Beri 1 markah bagi setiap kata adjektif yang betul.
12. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif tersebut.
13. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
14. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
15. Kata yang diuji salah, tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
16. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
17. Perkataan yang digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
18. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
19. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
20. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 : Morfologi

Kata adjektif
penting
lama
pantas
dahulu

[Maksimum : 8 markah]**Soalan 2 : Sintaksis**

1. Komuniti boleh membantu bagi meningkatkan kesedaran keselamatan dengan mempromosikan program-program keselamatan di kawasan mereka.
 - i. Komuniti boleh membantu bagi meningkatkan kesedaran keselamatan.
 - ii. Komuniti mempromosikan program-program keselamatan di kawasan mereka.
2. Mereka boleh mengadakan kempen keselamatan di kawasan mereka dan memberi tumpuan kepada isu-isu keselamatan.
 - i. Mereka boleh mengadakan kempen keselamatan di kawasan mereka
 - ii. Mereka memberi tumpuan kepada isu-isu keselamatan.
3. Komuniti boleh memantau kegiatan mencurigakan di kawasan mereka atau di sekitar kawasan mereka.
 - i. Komuniti boleh memantau kegiatan mencurigakan di kawasan mereka.
 - ii. Komuniti boleh memantau kegiatan mencurigakan di sekitar kawasan mereka

[Maksimum : 6 markah]**Soalan 3: Penyuntingan****Bahan 1**

- xiii. Tetapi – Namun begitu
- xiv. banyak tempat-tempat – banyak tempat
- xv. di manfaatkan – dimanfaatkan
- xvi. menwujudkan – mewujudkan
- xvii. prodak – produk
- xviii. dan - serta

[Maksimum : 5 markah]**Bahan 2**

- i. PEMOHONAN – PERMOHONAN
- ii. menjalankan – menjalani
- iii. mana – mana-mana
- iv. dari – daripada
- v. atas talian – dalam talian
- vi. tambahan – sokongan

[Maksimum : 6 markah]

SKEMA SOALAN 4 dan 5

Panduan pemarkahan menukar Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4

DESKRIPSI	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	3 – 4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	2
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Setelah ibunya mendengar kata-kata Kertala Sari, ibunya menangis sambil berkata “Wahai anakku, bapamu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Selepas Kertala Sari mendengar kata-kata ibunya, dia terlalu marah lalu berkata “Siapakah yang menyuruh membunuh bapaku itu agar negeri Majapahit ini dapat aku musnahkan?”

[4 markah]

Soalan 5 : PERIBAHASA

Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

Indah khabar daripada rupa

Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna.

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

5. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
6. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
7. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
8. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

4. Soalan 2 markah : pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

5. Soalan 3 markah : pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup/ menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup/ tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

6. Soalan 4 markah : pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat kurang gramatis	1

Jawapan salah	0
---------------	---

Soalan 6 : Petikan Umum **Markah**

(v) Maksud *membina jati diri* ialah...

- membentuk identiti/ keperibadian 2
- membina keperibadian 1
- membentuk jati diri 1

[Maksimum: 2 markah]

(vi) Usaha-usaha yang dilakukan untuk melahirkan generasi muda yang berkualiti :

Bahan 1

- | | |
|---|---|
| P1 - memberikan mereka peranan di peringkat komuniti dan daerah | 1 |
| P2 - belia didedahkan dengan proses kepemimpinan seawal usia belia muda | 1 |

Bahan 2

- | | |
|--|---|
| P1 - memberikan tugas dan tanggungjawab kepada murid dalam aktiviti pembelajaran seperti ketua kumpulan, ketua kelas atau ketua projek | 1 |
|--|---|

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(vii) Faedah-faedah program kepimpinan kepada remaja :

- | | |
|--|---|
| P1 - membentuk disiplin diri | 1 |
| P2 - memupuk sifat kepimpinan | 1 |
| P3 - menerapkan nilai agama dan moral | 1 |
| P4 - melahirkan keterampilan yang unggul | 1 |
| P5 - meningkatkan Kemahiran komunikasi | 1 |
| P6 - meningkatkan motivasi diri | 1 |

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(viii) Cara yang boleh saya lakukan untuk membantu rakan ialah :

- | | |
|---|---|
| P1 - membawanya berjumpa dengan guru kaunseling untuk mendapatkan bimbingan tentang kerjaya | 1 |
|---|---|

P2 - membawanya ke karnival kerjaya agar dia mendapat pendedahan tentang pelbagai kerjaya 1

P3 - membantunya melayari laman sesawang yang memaparkan maklumat-maklumat berkaitan kerjaya 1

P4 - membantunya mengenal pasti minat atau kecederungannya dalam sesuatu bidang.

P5 - menasihatiinya tentang kepentingan mempunyai cita-cita atau kerjaya Impian 1

P6 - menyedarkannya bahawa ilmu sangat penting walaupun dia belum pasti akan cita-citanya 1

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7 : Petikan Sastera **Markah**

(v) Iman ingin mengambil bidang pengurusan dan perniagaan setelah tamat SPM kerana :

P1 - Iman sudah mula tertarik dengan keindahan pulau ini yang sangat memukau 1

P2 - Apabila sudah dewasa kelak, Iman bertekad ingin mengusahakan sebuah resort di pulau-pulau seperti ini. 1

[Maksimum: 2 markah]

(vi) Faktor pulau-pulau tersebut menjadi tarikan pelancong :

Bahan 1

P1 - kerana keindahan gugusan pulaunya 1

P2 - hembusan bayu di pulau ini sungguh menenangkan hati dan fikiran 1

Bahan 2

P1 - sarat menyimpan sejarah negara bangsa antara timur dengan barat antara moden dengan tradisi 1

P2 - kagum akan pembangunan di pulau itu 1

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(vii) Langkah meningkatkan semula sektor pelancongan negara :

- P1 - merancakkan kempen Cuti-Cuti Malaysia melalui media massa dan media sosial
1
- P2 - menganjurkan lebih banyak acara atau kejohanan sukan peringkat antarabangsa
1
- P3 - menaik taraf prasarana dan infrastruktur awam untuk memberikan keselesaan kepada pelancong.
1
- P4 - memperkenalkan produk pelancongan baharu seperti pelancongan kesihatan
1
- P5 - membina jaringan keselamatan yang diyakini oleh pelancong
1
- P6 - meningkatkan hubungan antarabangsa
1

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- (viii) Tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung untuk menjadikan kampung saya destinasi pelancongan :

- P1 - mengadakan gotong-royong kampung untuk mencantikkan lagi kawasan persekitaran
1
- P2 - membina taman-taman rekreasi atau trek mendaki bukit untuk menarik Pengunjung
1
- P3 - mengiklankan keindahan kampung melalui media sosial atau papan iklan
1
- P4 - memohon kelulusan daripada pihak berkaitan untuk melaksanakan kegiatan pelancongan di kampung itu
1

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

SOALAN NOVEL

- (iii) Zahid asyik merenung gadis di belakang kaunter kerana...

- P1 Auranya memukau.
- P2 Pandangan mata gadis ini penuh aura kemesraan yang sukar nak digambarkan.
- P3 Lirikan matanya terasa macam pernah dilihatnya tetapi tidak ingat bila dan di mana.
- P4 Pak cik teringat akan anak pak cik mungkin sebaya anak ni / ini.

Pemindahan maklumat perlu lengkap. Calon tidak boleh mengubah maklumat asal petikan teks.

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

Dua peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang sesama manusia.

(iv) Soalan novel : 6 markah

- i) Jawapan berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- j) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- k) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul.
- l) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- m) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian daripada setiap novel yang dipelajari).
- n) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

- o) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- p) Calon tidak menjawab, 0 markah.

A. DI SEBALIK DINARA karya Dayang Noor.

1. Peristiwa keluarga Azraai menerima Farisha sebagai anak angkat dengan memberi sepenuh kasih sayang dan mendidik Farisha menjadi seorang muslim.

Huraian : Peristiwa ini dapat menimbulkan rasa simpati pembaca kerana seorang anak angkat yang dididik dengan penuh kasih sayang seperti anak kandung.

2. Peristiwa Farisha berasa sedih apabila mendapat tahu abangnya Azraai menghidap penyakit jantung ketika makan malam di rumah Azraai.

Huraian : Peristiwa ini dapat menimbulkan rasa simpati pembaca kerana sikap menyayangi ahli keluarga walaupun bukan anak kandung.

3. Peristiwa Rosman dan Shida pergi melawat Farisha di Hospital Putrajaya kerana Farisha tiba-tiba pengsan semasa sedang bekerja di pejabatnya.

Huraian : Peristiwa ini dapat menimbulkan rasa simpati pembaca kerana sikap seorang kawan yang mengambil berat akan keadaan kesihatan sahabatnya.

4. Peristiwa Marilyn / Medina yang berusaha menjelaki Farisha dengan mengupah dua orang lelaki untuk mencari Farisha kerana dia terlalu merindui anak kandungnya itu.

Huraian : Peristiwa ini dapat menimbulkan rasa simpati pembaca kerana tindakan seorang ibu yang mendorongnya untuk menculik anak kandung sendiri akibat perasaan rindu yang mendalam.

B. SILIR DAKSINA karya Nizar Parman.

1. Peristiwa Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil setelah dia bercerai dengan isterinya sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya.

Huraian : Peristiwa ini dapat menimbulkan rasa simpati pembaca kerana sikap seorang ayah yang terlalu merindui anaknya yang terpisah sejak kecil.

2. Peristiwa Haiqal memujuk dan menasihati Ratna yang menangis akibat kecewa setelah gagal memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM.

Huraian : Peristiwa ini dapat menimbulkan rasa simpati pembaca kerana sikap prihatin seorang sahabat menggambarkan nilai kasih sayang dalam persahabatan.

3. Peristiwa Haiqal yang sedang menangis selepas bertengkar dengan uminya kerana dihalang oleh uminya untuk pulang ke kampung arwah ayah Haiqal.

Huraian : Peristiwa ini dapat menimbulkan rasa simpati pembaca kerana tindakan seorang ibu yang menghalang anaknya untuk menjelaki kisah hidup arwah ayah kandung.

4. Peristiwa Abdullah Kayan yang sentiasa merindui anaknya, Aiman / Haiqal. Kasih sayang dan kerinduan terhadap anaknya dicurahkan kepada Ai Ling / Ong See Hwa yang sebaya dengan Aiman / Haiqal.

Huraian : Peristiwa ini dapat menimbulkan rasa simpati pembaca kerana kerinduan yang mendalam seorang ayah terhadap anaknya walaupun hidup terpisah.

BAHAGIAN C : RUMUSAN
 [30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- c) Isi maksimum - **20 markah**
- d) Bahasa maksimum - **10 markah**

c) Isi [20 markah]

Nota :

- i. Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- ✓ Nama khas
- ✓ Perkataan berganda
- ✓ Penggunaan kata sendi di dan ke
- ✓ Tarikh
- ✓ Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- ✓ Gelaran
- ✓ Penanda wacana
- ✓ Peribahasa / slogan

- ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- iv. Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- v. Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- vi. Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 Isi Lengkap)												Markah Maksimum
(i) Pendahuluan													2	
(ii) Isi Bahan 1														
Fokus 1	7	3	3	3	2	2	2	2	1	1	1	1		
Fokus 2	3	2	3	1	1	3	2	1	3	2	1	3	16	
(iii) Isi Bahan 2														
Fokus 1	3	2	1	2	3	2	3	3	3	2	3	2		
(iv) Isi Bahan 3														
Fokus 3	3	1	1	1	2	1	1	2	1	3	3	3		
Jumlah Isi	16	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8		
(v) Penutup/Kesimpulan													2	

d) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik. Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	Kesinambungan ayat baik. Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat. Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik. Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat. Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota :

1. Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
2. Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (Rujuk jadual)
3. Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
4. Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah.
5. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

Pendahuluan [2 markah]

P1	Rumusan membincangkan cabaran-cabaran / masalah-masalah / halangan-halangan / kekangan-kekangan pelaksanaan TVET dan kelebihan-kelebihan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / faedah-faedah bidang TVET.	2
P2	Rumusan membincangkan cabaran-cabaran / masalah-masalah / halangan-halangan / kekangan-kekangan pelaksanaan TVET.	1
P2	Rumusan membincangkan kelebihan-kelebihan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / faedah-faedah bidang TVET.	1
P3	Rumusan membincangkan pelaksanaan bidang TVET di Malaysia.	0
	Nota : jika tidak menyatakan fokus dan tema	0

Isi [16 markah]

FOKUS 1	<i>cabaran-cabaran / masalah-masalah / halangan-halangan / kekangan-kekangan pelaksanaan TVET</i>	
Bahan 1		

A1	kebanyakannya ibu bapa beranggapan bahawa bidang kemahiran hanya untuk murid yang keciciran dalam pelajaran	2
A2	masyarakat yang berpandangan bahawa bidang kemahiran sebagai pendidikan kelas kedua	2
A3	bidang ini dianggap sebagai bidang yang tidak mempunyai masa hadapan	2
A4	tidak berpeluang menjawat jawatan yang bergaji lumayan	2
Bahan 3		
B1	tiada akses kepada peralatan terkini	2
B2	peralatan latihan banyak yang lapuk dan ketinggalan zaman	2

FOKUS 2	<i>kelebihan-kelebihan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / faedah-faedah DidikTV KPM</i>	
Bahan 2		
B1	Anak akan lebih bersemangat untuk belajar	2
B2	Proses pembelajaran pasti akan bertambah mudah dan seronok	2
B3	Segmen pembelajaran dan pengajaran (PdP) menarik dan interaktif	2

FOKUS 3	<i>kelebihan-kelebihan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / faedah-faedah bidang / pengkhususan TVET</i>	
Bahan 1		
C1	melahirkan graduan TVET yang mempunyai potensi besar untuk kerjaya masa depan	2
C2	mereka dilatih menjadi tenaga kerja profesional dan separa profesional	2
C3	graduan politeknik dan kolej komuniti mendapat tempat dan menjadi pilihan majikan mahupun industri	2
C4	graduan TVET berpotensi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi	2
C5	terdapat graduan politeknik dan kolej komuniti yang membina kerjaya di luar negara	2
Bahan 2		
D1	mengurangkan jurang pengangguran	2
D2	membantu generasi muda memperoleh pekerjaan	2
D3	melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi	2
D4	mengurangkan kebergantungan pada tenaga kerja asing	2
Bahan 3		
E1	TVET ini penting untuk mengisi keperluan negara pada masa hadapan dari aspek pembuatan dan teknologi.	2

Kesimpulan [2 markah]

K1	Kesimpulannya, bidang TVET perlulah diperkasakan agar dapat meningkatkan produktiviti negara.	2
K2	Kesimpulannya, bidang TVET perlulah diperkasakan.	1
K3	Kesimpulannya, bidang TVET perlulah diperkasakan <u>oleh pelbagai pihak</u> agar dapat meningkatkan produktiviti negara.	0

SKEMA JAWAPAN TAMAT